

Isnin, Mac 26 2018

Bukti inisiatif kerajaan pacu ekonomi

BH 26/3

➔ Berjaya capai sasaran KPI majukan negara sepanjang 2017

**Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad**
mriduwan@nstp.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Laporan Program Transformasi Nasional (NTP) jelas menunjukkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan kerajaan berjaya memacu ekonomi negara, di samping pelbagai cabaran

tanya selepas merasmikan persidangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2018 hari ini.

Yang turut hadir, Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Perlu kestabilan politik

Johari berkata, dalam usaha memacu pembangunan eko-

termasuk ketidaktentuan ekonomi dunia.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata laporan pelbagai kejayaan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, itu juga membuktikan kerajaan berjaya mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan dalam membangunkan ekonomi negara sepanjang 2017.

“Kalau kita lihat daripada segi ekonomi, di sebalik ketidaktentuan ekonomi dunia, turun naik harga komoditi, nilai ringgit tidak menentu, ketidakstabilan geopolitik serantau dan sebahagian kawasan dunia, kita masih dapat mengembangkan ekonomi sebanyak 5.9 peratus tahun lalu.

“Jika kita tengok banyak aktiviti bersangkut-paut ekonomi negara, kita masih dapat mencapai KPI (Petunjuk Prestasi Utama) yang ditetapkan dalam membangunkan ekonomi,” ka-

menjadi pembangunan ekonomi sesebuah negara, kestabilan politik yang baik amat penting terutama bagi meyakinkan pelabur untuk melabur.

“Untuk sesebuah negara membangunkan infrastrukturnya, ia mesti mendapat modal. Untuk orang (pelabur) keluar modal membantu membangunkan infrastruktur ini, kita mesti ada kestabilan politik yang baik.

“Kalau tidak ada, sukar untuk kita meyakinkan mereka dan mengembangkan ekonomi negara,” katanya.

Ditanya mengenai pihak tertentu yang mendakwa tidak ‘merasa’ kemajuan ekonomi negara kini, Johari berkata, ia terpulang kepada individu terabit.

“Sama ada kita rasa atau tidak (pembangunan ekonomi) terpulang kepada individu. Ia bersangkut-paut dengan kehidupan kita, kita yang menyusun kehidupan kita,” katanya.